



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**07 OGOS 2018 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Berita Harian**

- |   |    |
|---|----|
| - Syor PBT seluruh Negara benar rakyat jadi pemerhati | 05 |
|---|----|

**Sinar Harian**

- |                                 |    |
|---------------------------------|----|
| - MPAJ sokong pembangunan sukan | 51 |
|---------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
07 OGOS 2018 (SELASA)

Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Syor PBT seluruh Negara benar rakyat jadi pemerhati
Muka Surat	05

# Syor PBT seluruh negara benar rakyat jadi pemerhati

b4 m/s 5  
7/8/2018

**Kuala Lumpur:** Pihak berkua-sa kerajaan tempatan (PBT) di seluruh negara disaraskan untuk melakukan tindakan sama seperti kerajaan Melaka dengan membuka ruang kepada rakyat menjadi pemerhati dalam Mesyuarat Induk PBT.

Menteri Perumahan dan Ke-rajaan Tempatan, Zuraida Ka-maruddin, berkata ia amat wajar dilaksanakan kerana dapat memberi pendedahan lebih kepada rakyat setiap apa yang dilakukan pada peringkat PBT.

Katanya, perkara itu juga sebenarnya sudah dilaksanakan di Selangor sejak 2008 kerana ia menunjukkan ketelusan kerajaan negeri dalam melakukan tugasannya mereka.

#### Beri kesan baik

"Kerajaan Selangor juga turut melakukan sesi town hall (taklimat penerangan) dengan penduduk dan dari situ kita boleh lihat apakah kebaikan dan keburukan, ketidakpuasan dan sebagainya bersama-sama rakyat

di negeri ini.

"Justeru, saya menyeru perkara ini wajar dilaksanakan oleh PBT di setiap negeri kerana kesannya sangat baik untuk kedua-dua pihak," katanya kepada NSTP, semalam.

Kelmarin, kerajaan Melaka mencadangkan untuk membuka ruang kepada rakyat bagi menjadi pemerhati dalam Mesyuarat Induk PBT bagi melihat dekat proses penggubalan dasar atau polisi.

Jika mendapat persetujuan

Ketua Menterinya, Adly Zahari, tindakan itu akan dilaksanakan selewat-lewatnya bulan depan.

Zuraida berkata, situasi itu sama seperti rakyat melihat bagaimana keadaan persidangan yang berlaku di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Mereka boleh menyaksikan secara langsung dan boleh menilai sendiri apakah yang dilakukan oleh kerajaan negeri," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR  
07 OGOS 2018 (SELASA)**

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	MPAJ sokong pembangunan sukan
Muka Surat	51

**MPAJ sokong  
pembangunan sukan**

SH  
mis 51  
7/8/18

PANDAN INDAH - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sentiasa memberi sokongan kepada pembangunan sukan dikalangan masyarakat Ampang Jaya melalui pelbagai program yang telah dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Masyarakat MPAJ.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, minat yang tinggi terhadap sukan yang ditunjukkan oleh pelbagai lapisan masyarakat telah mendorong MPAJ membina sebuah mini stadium MPAJ di Pandan Perdana untuk kegunaan masyarakat Ampang Jaya.

"MPAJ turut menyediakan klinik bola sepak kepada para remaja yang berminat bermain bola sepak dengan menyediakan latihan-latihan insentif kepada golongan itu," katanya ucapan majlis Penyerahan Tiket Kejohanan Bola Sepak Piala Sultan Selangor edisi 2018, baru-baru ini.

Menurutnya, pasukan Ampang Jaya Football Club (AJFC) sebuah kelab yang dinaungi oleh MPAJ telah melakar beberapa kejayaan pada tahun ini, antaranya salah seorang pemain berusia 14 tahun telah terpilih mewakili Malaysia.

"Seramai dua orang pemain telah terpilih bermain untuk pasukan Piala Belia Selangor dan juga Piala Presiden PDRM. Seramai 11 orang pemain terpilih mengikuti latihan program Pelan Pembangunan Negara.

"Seramai tiga orang pemain daripada AJFC telah terpilih mewakili sekolah sukan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.